



MODUL

GERAKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA (GKK)

- Sejahtera Diri
- Ana Khair

BUKU 1



PENAUNG

Y.Bhg. Datuk Hanapi Bin Suhada
Pengarah Besar FELDA

PENASIHAT

Encik Anuar Bin Malek
Timbalan Pengarah Besar
(Pembangunan Komuniti)

PENGERUSI

Encik Mohd Nasir Bin Embong
Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti

SETIAUSAHA/ PENYELARAS GKK

Puan Jamaliah Binti Ahmad
Jabatan Pembangunan Komuniti

AHLI JAWATANKUASA (AJK) INDUK DAN KETUA FASILITATOR PERINGKAT WILAYAH

Encik Zulhai Bin Mohd Nor Affendy
Puan Norliza Binti Othman
Puan Zabariah Binti Ahmad
Ustaz Jamailudin Bin Arshat

BIL	NAMA KETUA FASILITATOR WILAYAH	JAWATAN	TEMPAT BERTUGAS
1	Ust. Mokhtar Bin Yaacob	SDO (U)	Gua Musang
2	Ust. Abdullah Bin Ahmad	SDO (U)	Johor Bahru
3	Pn. Hasnah Bt Mohd Isa	SDO (W)	Alor Setar
4	Pn. Marsilah Bt Ahmad	SDO (W)	Trolak
5	Pn. Badriah Bt Che Omar	ARGM	Terengganu
6	Pn. Nik Mahanipah Bt Ab Majid	SDO (W)	Kuantan
7	Pn. Shamsiah Bt Majid	SDO (W)	Raja Alias
8	Ust. Amna Saufi Bin Ali	ASDO (U)	Mempaga
9	Pn. Marhaini Bt Abd Rahman	ASDO (W)	Jengka
10	Pn. Maimon Bt Ab Rahman	ASDO (W)	Segamat
11	Pn. Residah Bt Sani	ASDO (W)	Sahabat



KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Sekalung harapan daripada Y.Bhg Datuk Pengarah Besar FELDA Bicara hati daripada Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)	vi vii
OBJEKTIF MODUL	viii
CONTOH PELAKSANAAN MODUL SEJAHTERA DIRI (Ana Khair) Remaja/Belia	2-12
CONTOH JADUAL PROGRAM GKK MODUL SEJAHTERA DIRI	4-8
Nota Bacaan/Perincian Modul untuk Fasilitator (Modul Sejahtera Diri – Ana Khair)	17-32
Aktiviti 1 - Solat Asar Berjemaah/Tazkirah	
Aktiviti 2 - Ice Breaking – Power Up Elemen KOMUNIKASI	
Aktiviti 3 - Pembentangan Keluarga /Tugasan Keluarga Elemen KHALIFAH	
Aktiviti 4 - Solat Maghrib Berjemaah Kuliah Maghrib – Asal Kejadian Manusia Solat Isyak Berjemaah Elemen KAFI	
Aktiviti 5 - Pembentangan Tugasan Keluarga Elemen KARIB	
Aktiviti 6 - Solat Subuh Berjemaah Kuliah Subuh - Peluang Keemasan Rebut 5 Sebelum 5 Solat Sunat Dhuha Berjemaah	
Aktiviti 7 - Siapa Saya? Kekuatan dan Kelemahan Diri Gambar Tubuh Manusia Kembara Diri – Sifat Positif dan Sifat Negatif Elemen KOMPETEN	
Aktiviti 8 - Membina Potensi Diri “The Mole” (Pembelot) Peta Penyelesaian Masalah Elemen KREDIBILITI	
Aktiviti 9 - What is Your Worth? (Nilai) Replika Duit Elemen KREATIF	

- Aktiviti 10 - Ahlan Wa Sahlan
Aktiviti “Jaulah” (Pusing Kampung)
Berkenalan/Berinteraksi
- Kumpulan 1
Ziarah Pesakit Kronik/Warga Emas/
OKU/Ibu Tunggal
Doa Ziarah/Adab Ziarah/Doa Orang Sakit
- Kumpulan 2 – Ziarah Kempen/Mengajak Belia Datang
ke Masjid untuk Program Belia Berselawat (Yahanana)/
Malam Cinta Rasul
Elemen KOLABORATIF
- Aktiviti 11 - Sukan Anarki/Sukaneka
Bersukan dalam Kumpulan
Elemen KOMITED
- Aktiviti 12 - Solat Maghrib Berjemaah
Program Belia Berselawat/Malam Cinta Rasul
Solat Isyak Berjemaah
Elemen KAFI
- Aktiviti 13 - Warkah Akhir
Muhasabah Diri/Penghayatan (Recall)
Luahan Perasaan Kepada Keluarga Melalui Surat
Elemen KATALISATOR
- Aktiviti 14 - Solat Subuh Berjemaah
Kuliah Subuh – “Kita Hebat”
Kelebihan 5 Jari
Solat Sunat Dhuha Berjemaah
Solat Sunat Musaffir Berjemaah
Elemen KAFI DAN KOMPETEN
- Aktiviti 15 - “Kesini Jua Akhirnya”
Ziarah Perkuburan
Adab Memberi Salam Di Perkuburan
Baca Doa, Bacaan Surah Yassin, Tahlil/Tazkirah
Mengenai Kematian
Gotong Royong Membersih Kubur
Elemen KATALISATOR
- Aktiviti 16 - Majlis Penutup Bengkel
Majlis Resmi – Ucapan
Penyampaian Sijil Sahabat GKK

Format Laporan Pelaksanaan GKK

33-34



GERAKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA (GKK) SEKALUNG HARAPAN PENGARAH BESAR FELDA

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pada tahun 1994, Modul Gerakan Kesejahteraan Keluarga (GKK) diperkenalkan kepada komuniti FELDA. Modul ini diadaptasi dari modul yang diperkenalkan oleh Lembaga Kemajuan Penduduk dan Keluarga Negara (LPPKN) agar sesuai dengan budaya, pemikiran dan wawasan komuniti FELDA.

Perlaksanaan modul tersebut dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan petugas dan warga peneroka. Saya percaya nilai-nilai yang diterapkan melalui modul tersebut telah banyak mencorak pemikiran dan budaya sejahtera di dalam komuniti FELDA. Perkara baik ini perlu dikekalkan bahkan diarahkan lagi kerana inilah nadi utama masyarakat FELDA, kesatupaduannya. Alhamdulillah, sungguhpun kita telah diuji dengan pelbagai cabaran namun sehingga kini kita masih berjaya mempertahankan rasa hormat, rasa kasih sayang dan rasa kekeluargaan yang telah dipupuk di kalangan kita.

Saban hari, komuniti FELDA makin berkembang dan kita telah ada bukan hanya generasi kedua dan generasi ketiga bahkan telah ada generasi keempat. Perhubungan kekeluargaan di antara generasi dari pelbagai peringkat umur ini perlu diperkukuhkan lagi kerana generasi muda ini adalah generasi pewaris yang akan meneruskan legasi kesejahteraan dan budaya FELDA ini. Oleh itu, saya yakin sekarang adalah masa yang sesuai untuk kita suluh pandu semula masyarakat dengan pembentukan Modul GKK Sejahtera Diri dan Sejahtera Keluarga ini. Harapan saya melalui modul ini kita dapat memperkasakan barisan petugas kita untuk menyampaikan dan menanam rasa kecintaan serta membina tingkah laku saling menyayangi, baik di antara anggota keluarga sendiri mahupun antara satu keluarga dengan keluarga yang lain. Ketua keluarga harus berperanan sebagai contoh dan pendorong bagi ahli keluarga dalam menerapkan nilai-nilai kebaikan, kebenaran dan kemanusiaan.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan buat semua pihak yang terlibat sebagai penggubal, penyampai dan penggerak modul ini. Laksanakanlah dengan hati penuh ikhlas dan usaha yang bersungguh-sungguh di samping yakin bahawa usaha ini adalah satu usaha murni yang akan memberi natijah baik kepada masyarakat dan keluarga kita sendiri. Semoga Modul GKK ini akan memberi sinar baharu kepada kesejahteraan dan keharmonian keluarga besar kita, keluarga FELDA.

“Komuniti Sejahtera, Integriti Terpelihara”

DATUK HANAPI SUHADA

Pengarah Besar Felda



BICARA HATI SEKALUNG BUDI, BAKTI DISEMAI BUKTI DITUAI

Assalamualaikum Wbt, Salam Sejahtera & Salam 1Malaysia

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya diberi ruang kesempatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam ruangan ini.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Ahli Jawatankuasa Gerakan Kesejahteraan Keluarga (GKK) di atas kejayaan dan komitmen berterusan sehingga berjaya membukukan Modul GKK ini. Dengan adanya semangat kerjasama dan budaya kerja berpasukan seperti ini, saya yakin komitmen kakitangan FELDA dalam menyediakan perkhidmatan terbaik kepada warga peneroka dan generasi baharu FELDA tidak akan pernah luntur.

Dalam menghadapi era pembangunan yang semakin mencabar, semangat perpaduan dan kesetiaan merupakan elemen terpenting dalam memastikan keharmonian dan kesejahteraan komuniti FELDA terus terpelihara. Nilai "Sayangi FELDA" & "Mensyukuri Nikmat" perlu ditanam dalam jiwa setiap warga FELDA terutamanya generasi baharu yang bakal memimpin FELDA dalam meneruskan agenda kejayaan selama ini.

Bertemakan konsep Kebersamaan & Kebersatuan, Modul GKK yang dirangka ini merupakan satu inisiatif yang baik dalam melahirkan komuniti FELDA yang bersatu-padu dan berwawasan di samping menyumbang kepada pembentukan rakyat Malaysia yang berhemah tinggi, berdisiplin dan saling bertolak ansur antara satu sama lain. Adunan dua Modul yang dirangka iaitu Modul Sejahtera Diri (Ana Khair) dan Modul Sejahtera Keluarga (Titian Mahabbah) bakal dijadikan sumber aspirasi dan galakan kepada semua warga FELDA dalam menjadikan komuniti FELDA sebagai komuniti contoh luar bandar.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang berusaha dalam menghasilkan Buku Modul Gerakan Kesejahteraan keluarga ini. Satu kebanggaan buat seluruh warga FELDA khasnya serta semua keluarga peneroka khususnya.

Sekian, terima kasih.

ANUAR MALEK

Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti) FELDA

OBJEKTIF MODUL

- UNTUK MENYEMARAK, MENERAP SERTA MEMUPUK NILAI, ETIKA, SIKAP PRIHATIN, PENYAYANG, MENGHARGAI, MENGHORMATI, BERTANGGUNGJAWAB SERTA CIRI-CIRI KEPERIBADIAN REMAJA YANG SIHAT, INOVATIF, PRODUKTIF, BERDAYA TAHAN DALAM MENGHADAPI CABARAN DIRI, KELUARGA, MASYARAKAT, AGAMA, FELDA DAN NEGARA.
- MENGENAL SEBUAH KEHIDUPAN YANG HAKIKI.
- MEMPERKASAKAN SEMANGAT PERPADUAN DI KALANGAN WARGA FELDA.
- PENERAPAN KONSEP KEBERSAMAAN DAN KEBERSATUAN.



CONTOH PELAKSANAAN MODUL SEJAHTERA DIRI (ANA KHAIR) REMAJA/BELIA





CONTOH PELAKSANAAN MODUL SEJAHTERA DIRI (ANA KHAIR-REMAJA/BELIA)

KUMP SASAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
Remaja/Belia Peserta dari berbagai latar belakang	HARI PERTAMA 2.00 – 4.30 pgt Lapor diri	Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"> - Pengagihan name tag/<i>anyard</i> yang ada sticker berwarna. - Peserta diberi satu sampul surat seorang dan diminta tulis alamat mereka - Minum petang disediakan sambil pendaftaran. - Taklimat Urusetia 	Pn. Jamaliah Ahmad Pn. Zabariah Ahmad Pn. Marsilah Ahmad Cik Fatimah Mohd Ust. Zainurin (URUSETIA) persiapan peralatan ,penginapan dan lain-lain.	<ul style="list-style-type: none"> - Name tag/<i>anyard</i> - S] - Sampul surat
4.30 -5.00 pgt Solat Asar 5.00 – 5.30 pgt Power Up	Aktiviti 1- Solat Asar berjemaah Aktiviti 2- <i>Ice Breaking-Power Up</i> Masukkan elemen KHALIFAH (Pemimpin) dan elemen KOMUNIKASI (Jalinan Perhatian/Perhubungan)	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta berkumpul di surau dan menunaikan Solat Asar berjemaah. - Nyanyian & mengenali lagu “Semai Bakti” - Pastikan semua pakai name tag yang ditulis besar-besar. - Peserta di dalam bulatan besar. Nama peserta disebut (A) – terus peserta dan orang kiri & kanan “<i>power-up</i>” sehingga cukup <i>power</i>, A tolak energy ke peserta lain (B) sambil menyebut nama kawannya itu. - B akan meneruskan proses <i>power up</i>. - Proses ini dilaksanakan hingga 10 kali. - Sekiranya peserta yang dilontarkan <i>power</i> & kawan di kiri & kanan tidak bantu beri <i>power</i>, muka mereka akan diconteng sendiri. - <i>Power up</i> di sebut dengan perkataan KOMUNIKASI semasa hendak lontarkan <i>power</i>. 	Ust. Mokhtar (Di surau/tempat sesuai) n. Saliyah Md. Akhir Pn. Hasnah Mohd. Isa Pn. Nik Mahanipah En. Khalid Halidin En. Mohd Azrul En. Saiban bin Tikok Pn. Marsilah Ahmad	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian solat - Name tag/<i>anyard</i> - Pensil Warna untuk conteng - <i>Marker pen</i> - Senikata lagu “Semai Bakti” 	

KUMP SARAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
	5.30 – 6.15 ptg Pembentukan keluarga	Aktiviti 3- Pembahagian tugas, pembentukan keluarga, cipta lagu & sorakan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> - Peserta melantik penghulu, penghuluwati dan sheikh. - Peserta dibahagikan kepada keluarga kecil. - Mereka diminta membuat bendera, logo, motto, etika keluarga, menamakan keluarga, mencipta sorakan dan lagu keluarga. - Asas KHALIFAH memiliki sifat-sifat Nabi (Siddiq, Amanah, Tabliq dan Fatannah). 	En. Johari Pn. Norliza En. Abd Aziz Talib Ust. Amna En. M. NorHafiz Pn. Residah Pn. Russ Marina	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian yang sesuai - Kain bendera - Kayu bendera - Kertas mahjong - <i>Marker pen</i>
	6.30-7.15 mlm	-	- Makan malam	-	-
	7.15 –9.00 mlm Maghrib	Solat Maghrib	- Solat berjemaah		
	Kuliah Maghrib	Aktiviti 4- "Asal Kejadian Manusia"	- Ceramah: Peringkat kejadian manusia dengan elemen KAFI (yang cukup, lengkap, sempurna).	Ust. Abdullah	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian yang sesuai - Nota - ceramah
	Isyak	Solat Isyak	- Solat berjemaah		
	9.00 –10.30 mlm Pembentangan Identiti Kumpulan	Aktiviti 5- Pembentangan hasil perbincangan oleh setiap keluarga <ul style="list-style-type: none"> - Setiap kumpulan perlu menilai dan memberi markah pembentangan setiap kumpulan. - Fasilitator memberi rumusan dan komen membina dari hasil pembentangan kumpulan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Setiap kumpulan diberi tempoh yang singkat untuk mempersembahkan identiti keluarga masing-masing mengikut masa yang ditetapkan. - Penekanan kepada elemen KARIB (Persahabatan, Permuafakatan). 	En. Johari Pn. Norliza En. Abd Aziz Talib Ust. Amna En. M. NorHafiz Pn. Residah	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian bersesuaian untuk aktiviti
	10.30 –5.40 pg	-	- Minum malam/rehat/tidur	-	-



KUMP SASAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
	HARI KEDUA 5.40-8.00 pg Solat Subuh Kuliah Subuh: “Peluang Keemasan” Solat Duha 8.00 – 8.30 pg Sarapan pagi	Aktiviti 6- Rebut 5 Sebelum 5 untuk jadian insan itu BERKUALITI (Darjah Kecemerlangan Tinggi) -Fasilitator terangkan fadhilat dan kebaikan Solat Sunat Dhuha-pahala/rezeki dan lain-lain.	<ul style="list-style-type: none"> - Solat Subuh berjemaah - Ceramah: Peluang Keemasan - Solat Sunat Dhuha berjemaah 	Ust. Mokhtar	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian solat - Nota ceramah
	8.30 – 10.00 pg Siapa Saya? Kenal Kekuatan Kenal Kelemahan (1 Jam 30 Minit)	Aktiviti 7- Gambar tubuh manusia <ul style="list-style-type: none"> - Kembara diri - Serupa Tapi Tak Sama - Jika peserta bising, fasilitator kena tarik perhatian peserta dengan menyebut “Ana” peserta akan menyambut dengan menyebut”Khair”. 	<ul style="list-style-type: none"> - Meletakkan kekuatan dan kelemahan pada anggota dalam gambarajah. - Masukkan elemen KOMPETEN (mengenal kekuatan diri). - Apa kelebihan kepala/kaki/tangan/perut dan lain-lain anggota manusia. - Tampil nilai/kelakuan positif & negatif. - Peserta tulis nama pada nilai/kelakuan diri yang bersesuaian. - Catitkan kekuatan diri (positif) dan catitkan kelemahan diri (negatif). - Lekatkan di dinding dewan apa yang telah ditulis. - Setiap peserta diberi sehelai kertas A4 - Kertas dibahagi kepada 16. - Satu potongan kertas ditulis nilai masing-masing (10 yg positif dan 6 yang negatif). - Setiap peserta baca satu & cari persamaan dengan peserta lain. - Peserta cari rakan-rakan yang ada persamaan dengan diri dia. 	Pn. Marhaini Pn. Maimon En. Izwan Salleh En. Badrol Baharom En. Rozlan Daud En. Mohamad Rashid	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian bersesuaian untuk aktiviti - Gambarajah tubuh manusia - Kertas A4
	10.00 – 10.30 pg		<ul style="list-style-type: none"> - Minum pagi 		

KUMP SASAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
	10.30 - 11.30 pg Membina Potensi Diri	Aktiviti 8 – The Mole (Pembelot) Masukkan elemen KREDIBILITI (sifat boleh dipercayai)	<ul style="list-style-type: none"> - Satu peta penyelesaian masalah dilekatkan di luar dewan. - Setiap ahli keluarga akan diberi satu kad bertulis "Bukan Mole" dan secara bergilir diberi peluang melihat dan menghafal peta untuk dilukis kembali peta dalam tempoh yang ditentukan. - Fasilitator akan timbulkan keraguan di kalangan ahli keluarga bahawa salah seorang mereka adalah <i>The Mole</i> (Pembelot). Ahli yang dianggap <i>The Mole</i> akan dikeluarkan & masuk tahanan - Diakhirnya, fasilitator akan lihat samada peta lengkap dan tepat atau tidak. - <i>The Mole</i> akan di <i>interview</i>. Ahli keluarga minta maaf dengan ahli yang disangka <i>The Mole</i>. <ul style="list-style-type: none"> - Peserta di bahagi kepada dua kumpulan. - Fasilitator kena terangkan apa yang peserta patut buat. - Setiap peserta diedarkan kertas yang telah di gunting kecil - Simpan kertas itu dan jangan tunjukkan kepada peserta lain. Siapa beri tunjuk kepada orang lain akan didenda. - Setiap peserta boleh berbincang. - Dua kumpulan lihat gambar yang ditampal di luar dewan secara seorang demi seorang dan lukiskan kembali apa yang telah dilihat tadi. - Akhir sekali fasilitator buat rumusan dari LDK tersebut dan yakinkan peserta bahawa apa sebenarnya pengajaran yang boleh dikaitkan dengan kehidupan remaja masa kini. - Sikap kebolehpercayaan hendaklah di terapkan dalam aktiviti ini. 	Tn. Haji Abd. Hamid En. Mohd Khairul Nizam Pn. Rohani Abdullah Pn. Badriah Che Omar Pn. Saridah Hashim Pn. Rashidah Marzuki Tn. Hj. Abd Hamid- Rumusan	<ul style="list-style-type: none"> - Fasilitator sediakan kad <i>Mole</i> - Kad <i>Mole</i> - Kad Bukan <i>Mole</i> - Peta - Pensil - <i>Marker pen</i> - Pemadam - Manila kad - Gambar peta 8 kumpulan - Kertas mahjong



KUMP SASAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
	11.30- 1.00 ptg	<p>Aktiviti 9 - <i>What Is Your Worth?</i> (Nilai)</p> <p>Konsep mengumpul harta berasaskan KREATIF (Pemimpin/ Kepimpinan dan Memimpin)</p> <p>i- Edarkan gambar duit kepada peserta.</p> <p>ii- Contoh: Minta peserta cari duit yang nilainya RM250.00- peserta akan cari duit tersebut dari peserta lain dan kumpulkan sehingga cukup nilainya.</p> <p>iii- Ulangi lagi dengan mencari nilai lain seperti yang di beri oleh fasilitator.</p>	<p>- Setiap peserta diberi memilih satu not duit. Lagu akan dimainkan, bila muzik diberhentikan, fasilitator akan umumkan nilai yang sepatutnya terkumpul dan peserta kena cari bilangan kumpulan ikut nilai duit yang disebutkan.</p> <p>- Fasilitator akan cuba curi duit peserta dengan daya pemikiran dan kreativiti sendiri.</p> <p>- Di akhir aktiviti, fasilitator akan bertanya kepada peserta yang tidak dapat duit minta peserta terangkan kenapa dan mengapa.</p> <p>- Rumusan:-</p> <p>a- Realiti memiliki wang kecil atau tiada wang akan membuatkan orang tidak suka dan begitulah sebaliknya</p> <p>b- Fasilitator nyatakan..apakah sifat /nilai-nilai murni yang ada dalam aktiviti ini</p> <p>c- Jangan membezakan orang miskin dan orang yang kaya</p>	<p>Pn. Norliza Othman Pn. Hasnah Md.Isa Cik Fatimah Mohamed Pn. Saliyah Md Akhir Pn. Marselle Ahmad</p>	<p>- Replika duit - Lagu iringan lagu kumpulan ABBA "Money.. Money" atau lagu "Duit.. Duit" oleh Dato M.Nasir</p>
	1.00–2.00 ptg Makan Tengah Hari & Solat Zohor		<p>- Solat Zohor/makan tengahari</p>		



KUMP SASAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
	4.30-5.00 ptg Minum Petang & Solat Asar 5.00 – 6.30 ptg Riadhah	Solat Asar Aktiviti 11- Sukan Anarki Masukkan elemen KOMITED (Mempunyai Komitmen)	<ul style="list-style-type: none"> - Solat Asar berjemaah - Sukan dijalankan mengikut sukaneka. - Walau apapun keputusannya, fasilitator tetap menang (provokasi). - Mempunyai sikap memberi komitmen yang tinggi dalam aktiviti yang diarahkan. - Peserta bersukan dalam kumpulan. 	<p>Ust. Amna Saufi Ali</p> <p>En. Mohd Norhafiz</p> <p>Pn. Nora Abdullah</p> <p>Pn. NorAfizah</p> <p>Ab. Majid</p> <p>Pn. Russ Marina Hamid</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian solat - Pakaian sukan - Peralatan sukan
	6.30-7.30 ptg		<ul style="list-style-type: none"> - Makan malam 		
	7.30 -10.00 mlm Solat Maghrib	Aktiviti 12- Solat Maghrib Memasukkan elemen KAFI (Cukup, Lengkap, Sempurna) Program Belia Berselawat Solat Isyak	<ul style="list-style-type: none"> - Solat berjemaah - Beri ulasan KAFI No.1- Surah Al-Asr (ayat 1-3) rujuk buku Kesejahteraan Adiwangsa FELDA - Selawat beramai-ramai - Jemputan yang hadir turut berselawat bersama peserta program. - Solat Isyak berjemaah 	<p>Ust. Mokhtar</p> <p>Ust. Amna</p> <p>Ust. Zainurin</p> <p>Ust. Abdullah</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Pakaian solat - Nota selawat - Pakaian solat
	10.00-11.00 mlm Warkah Akhir	Aktiviti 13- Muhasabah diri <ul style="list-style-type: none"> - Perasaan dan luahan kepada ibubapa/keluarga dituliskan atas kertas untuk diposkan kepada keluarga. - Masukkan elemen KATALISATOR (Pemangkin/pemangkah). - Peserta di bahagi kepada dua kumpulan Lelaki dan Wanita. - Setiap wilayah di minta menyediakan "SURAT AKU JANJI" masing-masing. 	<ul style="list-style-type: none"> - Ustaz buat penghayatan (<i>recall</i>) - Setiap peserta diberi kertas dan disuruh menulis warkah akhir (apakah yang ingin disampaikan kepada ahli keluarga). Jika ada yang sudi, minta peserta kongsi @ membaca apa yang ditulis. - Disusuli dengan lagu yang sesuai <ul style="list-style-type: none"> o Ayah & Ibu – Sudirman o Syurga di Telapak Kaki Ibu – Aisyah o Ibu – Aiman o Anak Soleh – Aiman o Lagu "Teman Setia" – Brothers - Malam itu ditutup dengan semua peserta bersalam-salam diiringi dengan selawat - Surat-surat/luahan rasa dimasukkan ke dalam sampul surat dan diposkan atau diserahkan <i>by hand</i> kepada penerima - Buang sikap negatif dan masukkan sikap positif 	<p>Ust. Abdullah</p> <p>Ust. Mokhtar</p> <p>Ust. Zainurin</p> <p>Ust. Jamaludin</p> <p>Ust. Amna Saufi</p>	<ul style="list-style-type: none"> - Kertas A4 - Pen - Sampul surat beserta alamat - Setem - Lagu Sudirman - Lagu Aisyah - Lagu Aiman - Lagu Brothers - <i>Pen Drive</i> Selawat

KUMP SASAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
			11.00 malam – Minum malam/ rehat/ tidur		
	HARI KETIGA 5.00- 8.30 pg Solat Subuh Kuliah Subuh	Aktiviti 14- Solat Subuh "Kita Hebat" Masukkan elemen KAFI (Cukup, Lengkap, Sempurna) Masukkan juga elemen KOMPETEN (Kemampuan, Kecekapan, Kebolehan, Kemahiran)	- Solat Subuh berjemaah - Ceramah: Kita sebaik-baik kejadian. Setiap orang ada perannya masing-masing walaupun dengan kelemahan yang mereka ada. (Lima jari) - Fasilitator terangkan kelebihan 5 jari - Ulasan kegunaan semua jari - Rumusnya- Setiap sesuatu ada kelebihan dan ada kekurangannya - MINTA ULAS HADIS NO.2 (RUJUK BUKU KESEJAHTERAAN ADIWANGSA FELDA)	Ust. Amna Saufi Ali Ustaz Abdullah Ahmad	- Pakaian solat - Nota ceramah
	Solat Sunat Dhuha	Solat Sunat Dhuha berjemaah Solat Sunat Musaffir	- Semua peserta - Solat Sunat Musaffir berjemaah	Ust. Abdullah Ahmad	
	8.30-9.00 pg 9.00 -10.00 pg Ke Sini Jua Akhirmya	Aktiviti 15- Melawat kubur Masukkan elemen KATALISATOR (Pemangkin/ Pemangkah) - Bawa peserta ke kubur - Adab beri salam dikubur (Assalamualaikum Ahlad Dia') - Baca Doa - Baca Surah Yassin - Tazkirah	- Sarapan pagi semua peserta - Fasilitator akan memulakan dengan bacaan doa - Bacaan Yassin - Renungan sejenak (fasilitator memberikan tazkirah mengenai kematian kepada semua peserta) dan merangsang serta mencetus semangat untuk menjadi insan yang cemerlang	Ust. Mokhtar	- Nota Doa dikubur - Surah Yasin - Nota Tazkirah
			10.00 -10.30 pagi – Minum Pagi		



KUMP SASAR	TAJUK	PENGISIAN	METHOD	FASILITATOR TERLIBAT	KEPERLUAN
	10.30 – 12.30/hari Majlis Penutup	Aktiviti 16 - MC – Pilih dari peserta - Nyanyian “NegaraKu” & “Semai Bakti” - Doa – Sheikh - Ucapan Penghulu - Ucapan Penyelaras Kursus - Ikrar Peserta - Ucapan RGM/Pengurus - Akhir dengan lagu “Gemuruh”	- Perlantikan MC - Lagu “NegaraKu” - Lagu “Semai Bakti” FELDA - Lagu Tema Komuniti – “Bila Diri Disayangi”	Teks MC: Pn. Norliza Pn. Tawilah persiapan majlis Teks Doa: Ust. Abdulllah Teks Ikrar: Pn. Norliza dan Pn. Hasnah M. Isa	- CD lagu - Lagu - “NegaraKu” - Lagu “Semai Bakti” - Lagu “Bila Diri Disayangi” - Lagu - “Gemuruh” oleh Faizal Tahir - Siji Sahabat GKK
			12.30 tengahari – Makan Tengahari dan Bersurai		

CONTOH JADUAL PROGRAM GKK MODUL SEJAHTERA DIRI (REMAJA/BELIA)





CONTOH JADUAL PROGRAM MODUL SEJAHTERA DIRI (ANA KHAIR)

TARIKH/ HARI/ MASA	PERKARA
HARI PERTAMA	
2.00 – 4.30 petang	Pendaftaran peserta/ minum petang/ taklimat
4.30 – 5.00 petang	Aktiviti 1 - Solat Asar berjemaah/tazkirah ringkas
5.00 – 5.30 petang	Aktiviti 2 <i>Ice Breaking-Power Up</i> Nyanyian dan mengenali lagu “Semai Bakti” Elemen KOMUNIKASI
5.30 – 6.15 petang	Aktiviti 3 Pembentukan keluarga Tugasan keluarga – cipta moto, logo, sorakan keluarga, bend- era, etika keluarga, nama keluarga, lagu keluarga Elemen KHALIFAH
6.30 – 7.15 malam	Makan malam
7.15 – 9.00 petang	Aktiviti 4- Solat Maghrib berjemaah Kuliah Maghrib “ Asal Kejadian Manusia” Solat Isyak berjemaah Elemen KAFI
9.00 malam	Aktiviti 5- Pembentangan tugasan keluarga Elemen KARIB
10.30 malam – 5.40 pagi	Minum malam Rehat /Tidur
HARI KEDUA	
5.40 – 8.00 pagi	Aktiviti 6 - Solat Subuh berjemaah Kuliah Subuh “Peluang Keemasan” Rebut 5 sebelum 5 Solat Sunat Dhuha berjemaah
8.00 – 8.30 pagi	Sarapan pagi

8.30 – 10.00 pagi	Aktiviti 7 - “ Siapa Saya?” Kekuatan & kelemahan diri Gambar tubuh manusia Kembara Diri- Sifat positif dan sifat negatif Elemen KOMPETEN
10.00 – 10.30 pagi	Minum pagi
10.30 – 11.30 pagi	Aktiviti 8 - Membina Potensi diri <i>“The Mole”</i> (Pembelot) Peta penyelesaian masalah Elemen KREDIBILITI
11.30 – 1.00 petang	Aktiviti 9 - “What is Your Worth? (Nilai) Replika duit Elemen KREATIF
1.00 –2.00 petang	Makan tengahari Solat Zohor berjemaah
2.00 –4.00 petang	Aktiviti 10 - Ahlan Wa Sahlan – aktiviti “Jaulah” (Pusing Kampung) Berkenalan/Berinteraksi Kumpulan 1- Ziarahi pesakit kronik/warga emas/OKU/ibu tunggal Doa ziarah/adab ziarah/doa orang sakit Kumpulan 2 - Ziarah kempen/mengajak Belia datang ke masjid untuk Program Belia Berselawat (Yahanana) Atau Malam Cinta Rasul Elemen KOLABORATIF
4.30 – 5.00 petang	Minum petang Solat Asar berjemaah
5.00 – 6.30 petang	Aktiviti 11 - Sukan Anarki /Sukaneka Bersukan dalam kumpulan Elemen KOMITED
6.30 – 7.30 malam	Makan malam



7.30 – 10.00 malam	Aktiviti 12 - Solat Maghrib berjemaah Program Belia berselawat/Malam Cinta Rasul Solat Isyak berjemaah Elemen KAFI
10.00 – 11.00 malam	Aktiviti 13 - Warkah akhir Muhasabah Diri/Penghayatan (<i>recall</i>) Luahan perasaan kepada keluarga melalui surat Elemen KATALISATOR
11.00 malam – 5.00 pagi	Minum malam dan tidur
HARI KETIGA	
5.00 – 8.30 pagi	Aktiviti 14 Solat subuh berjemaah Kuliah Subuh “ Kita Hebat” Kelebihan 5 jari Solat Sunat Dhuha berjemaah Solat Sunat Musaffir berjemaah Elemen KAFI dan KOMPETEN
8.30 – 9.00 pagi	Sarapan Pagi
9.00 – 10.00 pagi	Aktiviti 15 “Ke sini Jua Akhirnya” Ziarah perkuburan Adab memberi salam di perkuburan Bacaan Doa, bacaan Surah Yassin, Tahlil/Tazkirah mengenai kematian Gotong-royong membersihkan kubur Elemen KATALISATOR
10.00 – 10.30 pagi	Minum pagi
10.30 – 12.30 tengahari	Aktiviti 16 Majlis Penutupan Bengkel Majlis rasmi- Ucapan Penyampaian Sijil Sahabat GKK
12.30 tengahari	Makan tengahari Bersurai

Nota: Bagi setiap aktiviti, setiap kumpulan akan diberi markah untuk menilai & mencari pemenang.

NOTA BACAAN/ PERINCIAN MODUL UNTUK FASILITATOR (MODUL SEJAHTERA DIRI) ANA KHAIR

MATLAMAT:

- Peserta mengenal erti sebuah kehidupan (tumpuan kepada rasa cinta yang sebenar)

OBJEKTIF:

1. Menerapkan nilai, etika dan ciri-ciri keperibadian Muslim.
2. Menyemarakkan sikap prihatin, penyayang dan bertanggungjawab kepada diri, keluarga, masyarakat, FELDA dan Agama
3. Membimbing remaja memilih laluan hidup yang tepat sebagai persediaan menghadapi alam dewasa.

PERANCANGAN:

- Tempoh : 3 Hari 2 Malam
- Tempat : Pusat Latihan/Rancangan
- Peserta : Remaja/Belia FELDA dari berbagai latar belakang
- Bil.Peserta : Minimum 60 orang dan maksimum 80 orang



PERINCIAN MODUL SEJAHTERA DIRI (ANA KHAIR - REMAJA/BELIA)

AKTIVITI 1 : Solat Asar berjemaah

MASA : 30 minit

KEPERLUAN:

- Surau/Tempat yang sesuai
- Pakaian Solat

OBJEKTIF AKTIVITI 1:

1. Menerapkan rasa cinta kepada Allah
2. Melakukan ibadah secara berjemaah (beramai-ramai sebagai satu pasukan).

PELAKSANAAN / METHOD:

- Peserta berkumpul di surau/tempat sesuai dan menunaikan Solat Asar.
- Peserta berpakaian yang sesuai untuk solat.

RUMUSAN AKTIVITI 1:

1. Memulakan sesuatu dengan bermunajab kepada Allah SWT.
2. Melatih melakukan sesuatu dalam kumpulan/berjemaah.

AKTIVITI 2 : Taklimat & *Ice Breaking* (Power Up)

MASA : 30 Minit

OBJEKTIF AKTIVITI 2:

1. Untuk suai kenal di antara peserta
2. Mewujudkan kemesraan di antara sesama peserta dan fasilitator
3. Menerapkan elemen KOMUNIKASI (Jalinan Perhatian / Perhubungan) kepada semua peserta

KEPERLUAN:

- *Name tag/lanyard*
- *Poster colour* untuk conteng
- Seni kata lagu FELDA “Semai Bakti”

PERLAKSANAAN/METHOD:

- 1.0 Nyanyian Lagu “NegaraKu” dan “Semai Bakti”
 - Seni kata lagu “Semai Bakti” diedarkan kepada semua peserta
 - Muzik dimainkan dan peserta menyanyi & mengenali lagu “Semai Bakti”
 - Semua peserta diminta menghafal lagu ini.

2.0 Saling mengenali

- Pengagihan *name tag/lanyard* dan pastikan semua peserta pakai *name tag* yang ditulis nama besar-besar.
- Peserta diminta berdiri di dalam bulatan besar.
- Nama seorang peserta disebut (Contoh: Azhar). Peserta di kiri & kanan Azhar akan “*power-up*” sehingga cukup *power*, dan Azhar akan menolak *energy* ke peserta lain (Contoh: Ima) sambil menyebut “Komunikasi + Ima” (nama peserta itu).
- Peserta kedua menyambut *power* dan seterusnya akan meneruskan proses *power-up*.
- Sekiranya peserta yang dilontarkan *power* & kawan di kiri dan kanan tidak bantu beri *power*, mereka diminta menyonteng muka mereka sendiri.
- Proses ini dilaksanakan hingga 10 kali.

Nota : Sekiranya peserta lebih dari 60 orang, mereka dipecahkan kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan membentuk satu bulatan yang besar.

- Dua *trade mark* untuk sebutan fasilitator:-
 1. Ana.....-disebut oleh fasilitator-.....Khair (dijawab oleh peserta)
 2. Hallo Hallo-disebut oleh fasilitator-.....GKK (dijawab oleh peserta)
- @ Tukang conteng muka peserta- 1 hingga 3 orang sahaja dan janganlah terlalu ramai, ini adalah untuk mengelakkan peserta merasa tidak selesa.
- @ Gunakan “*water colour*” untuk menconteng muka peserta dan bukan menggunakan marker pen.
- @ Bilangan ahli dalam kumpulan hendaklah sama dengan semua ahli kumpulan lain.

RUMUSAN AKTIVITI 2:

- KOMUNIKASI adalah penting di dalam kehidupan
- KOMUNIKASI adalah wadah untuk menyampaikan semua kebaikan
- Pelbagai bentuk KOMUNIKASI (*verbal & non-verbal*)
 - Bahasa
 - Isyarat
 - Memek muka
 - Simbol
- KOMUNIKASI penting untuk bina hubungan dan koordinasi pasukan
- Perhubungan adalah kunci kejayaan pasukan yang gemilang

AKTIVITI 3 : Pembentukan Kumpulan

MASA : 45 Minit

OBJEKTIF AKTIVITI 3:

1. Untuk wujudkan semangat berpasukan di kalangan peserta
2. Memesrakan lagi peserta di antara satu sama lain.
3. Menerapkan elemen KHALIFAH (pemimpin) kepada semua peserta

KEPERLUAN:

- Pakaian yang sesuai
- Kain bendera



- Kayu bendera
- Kertas mahjong
- Marker pen

PERLAKSANAAN/METHOD:

1. Setiap kumpulan diminta mengambil peralatan yang diperlukan.
2. Peserta mencalonkan dan melantik Penghulu
3. Peserta mencalonkan dan melantik Penghuluwati
4. Peserta mencalonkan dan melantik Sheikh
5. Peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil.
6. Peserta diminta membuat bendera, logo, moto dan etika kumpulan
7. Peserta menamakan kumpulan, mencipta sorakan dan lagu kumpulan

RUMUSAN AKTIVITI 3:

- Sebuah pasukan perlu ada ketua atau Pemimpin atau KHALIFAH
- Khalifah boleh dipilih/lantik secara pemilihan oleh ahli pasukan ataupun seseorang melantik dirinya sendiri menjadi khalifah
- Asas KHALIFAH memiliki sifat-sifat Nabi:
 - Siddiq
 - Amanah
 - Tabliq
 - Fatannah.

“Hai orang-orang yang beriman, ta’atilah Allah dan ta’atilah Rasul (Nya), dan ulilamri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya (Surah An-Nisa : Ayat 59).

Nota: Sewaktu aktiviti sedang dijalankan, fasilitator lain perlu memberi fokus kepada aktiviti dan hadkan pergerakan supaya peserta dapat memberi fokus kepada aktiviti.

AKTIVITI 4 : Solat Maghrib & Isyak Berjemaah

MASA : 1 jam 15 minit

KEPERLUAN:

- Surau/Tempat yang sesuai
- Pakaian solat
- Nota ceramah – “Asal Kejadian Manusia”

OBJEKTIF AKTIVITI 4:

1. Menerapkan rasa cinta kepada Allah.
2. Melakukan ibadah secara berjemaah (beramai-ramai sebagai satu pasukan).
3. Menerapkan elemen KAFI (yang cukup/ lengkap/ sempurna) di dalam peringkat kejadian manusia, kepada semua peserta.

PERLAKSANAAN/METHOD:

1. Peserta berpakaian yang sesuai untuk solat dan siap berwuduk.
2. Peserta berkumpul di surau/tempat sesuai dan menunaikan solat Maghrib secara berjemaah.
3. Seorang Ustaz dari kalangan fasilitator menyampaikan Kuliah Maghrib dengan tajuk “Asal Kejadian Manusia”.
4. Menunaikan solat Isyak secara berjemaah.

AKTIVITI 5 : Pembentangan Identiti Kumpulan

MASA : 1 jam 30 minit

KEPERLUAN:

- Hasil perbincangan kumpulan dari Aktiviti 3
- Bendera

OBJEKTIF AKTIVITI 5:

1. Mewujudkan semangat berpasukan dikalangan peserta.
2. Memesrakan lagi peserta di antara satu sama lain.
3. Menerapkan elemen KARIB (Persahabatan, Permuafakatan) kepada semua peserta.

PERLAKSANAAN/METHOD:

1. Setiap kumpulan diminta membentangkan hasil perbincangan keluarga masing-masing.
2. Kumpulan-kumpulan lain perlu menilai dan memberi markah pembentangan setiap kumpulan.
3. Setiap kumpulan diberi tempoh yang singkat untuk mempersembahkan identiti keluarga masing-masing mengikut masa yang ditetapkan. Ini bertujuan agar mereka memilih maklumat yang penting sahaja untuk dibentangkan.
4. Fasilitator perlu memerhatikan kerjasama di antara ahli keluarga semasa pembentangan.
5. Fasilitator memberi rumusan dan ulasan membina dari hasil pembentangan kumpulan.

Nota: Beri ruang/sedikit masa untuk sesi soal jawab dari peserta bagi membina tahap keberanian dan tahap keyakinan diri yang tinggi.

RUMUSAN AKTIVITI 5:

- Menerapkan semangat kerjasama, komitmen, perpaduan dalam kalangan ahli kumpulan.
- Melahirkan sikap akur kepada Ketua/Pemimpin.
- Mematuhi etika dan norma yang telah ditetapkan oleh ahli kumpulan.



AKTIVITI 6 : Solat Subuh Berjemaah & Solat Dhuha

MASA : 2 jam 20 minit

KEPERLUAN:

- Surau/tempat yang sesuai
- Pakaian solat
- Nota ceramah – “Peluang Keemasan”

OBJEKTIF AKTIVITI 6:

1. Menerapkan rasa cinta kepada Allah
2. Melakukan ibadah secara berjemaah (beramai-ramai sebagai satu pasukan).
3. Menerapkan elemen berkUALITI (darjah kecemerlangan yang tinggi) di dalam diri setiap insan.

PERLAKSANAAN/METHOD:

- Peserta berpakaian yang sesuai untuk solat.
- Peserta berkumpul di surau/tempat sesuai dan menunaikan Solat Subuh secara berjemaah.
- Seorang Ustaz dari kalangan fasilitator menyampaikan Kuliah Subuh dengan tajuk “Peluang Keemasan” (Rebut 5 Sebelum 5 Perkara).
- Selepas itu fasilitator menerangkan fadilat dan kebaikan Solat Sunat Dhuha- Pahala/Rezeki dan lain-lain kepada semua peserta.
- Menunaikan Solat Sunat Dhuha secara berjemaah.

Nota: Aktiviti Solat Sunat Syuruk dan Solat Sunat Dhuha boleh dilaksanakan terus selepas aktiviti Kuliah Subuh, ini adalah kerana peserta tidak perlu berulang alik dari dewan ke surau/masjid (jika jarak antara kedua tempat tersebut adalah jauh).

RUMUSAN AKTIVITI 6:

- Dunia sebagai persinggahan, akhirat yang akan kekal abadi.
- Kepentingan masa-masa ibarat mata pedang.

AKTIVITI 7 : Siapa Saya?

MASA : 1 jam 30 minit

KEPERLUAN:

- Gambar tubuh manusia (buat salinan mengikut bilangan peserta)
- Keratan Kertas A4 (sehelai dipotong 8)
- *Pin / Masking tape*

OBJEKTIF AKTIVITI 7:

1. Peserta mengenali kekuatan diri masing-masing
2. Peserta mengenali kelemahan diri masing-masing
3. Membina Potensi Diri peserta
4. Menerapkan elemen KOMPETEN (mengenal potensi, kekuatan, dan kemahiran diri), kepada semua peserta

PERLAKSANAAN / METHOD:

1.0 Kekuatan/Kelemahan Diri

- Gambar tubuh manusia diedarkan kepada semua peserta.
- Peserta diminta menulis dua kekuatan yang ada pada diri mereka pada anggota manusia di gambar rajah. (Contoh : Selalu senyum - tulis di bahagian kepala dekat dengan bibir/mulut).
- Peserta diminta menulis kelemahan yang ada pada diri mereka pada anggota manusia di gambar rajah (Contoh : Mudah cemburu – tulis di bahagian dada berhampiran jantung)

2.0 Kembara Diri

- Fasilitator bertanya apa lagi kekuatan dan kelemahan bagi anggota lain seperti kepala, kaki, tangan, perut dan lain-lain anggota manusia kepada peserta.
- Seterusnya fasilitator terangkan bahawa kekuatan dan kelemahan seseorang itu ada kaitan dengan nilai yang dipegangnya.
- Setiap peserta diberi kertas A4 yang telah dipotong-potong.
- Peserta tulis kekuatan dan kelemahan seperti pada gambar rajah di atas potongan kertas dan tulis nama mereka pada kertas tersebut.
- Lekatkan di dinding dewan apa yang telah ditulis dan minta 2 orang peserta baca apa yang dicatit.

3.0 Serupa Tapi Tak Sama

- Setiap peserta diberi kertas A4 yang telah dipotong-potong.
- Satu potongan kertas ditulis nilai masing-masing (7 yang positif dan 3 yang negatif).
- Setiap peserta baca satu & cari persamaan dengan peserta lain.
- Peserta cari rakan-rakan yang ada persamaan dengan diri dia.
- Peserta menyimpan keratan ciri positif.
- Peserta membuang keratan ciri negatif dalam tong yang disediakan.

Nota : Di sepanjang aktiviti dijalankan, jika peserta hilang fokus, fasilitator kena tarik perhatian peserta dengan menyebut “Ana”.....peserta akan menyambut dengan menyebut“Khair”...

RUMUSAN:-

MENGENALI NILAI

Menurut maknanya, etika, etiket, nilai dan norma dapat berlaku atau mempunyai kesamaan secara universal. Manusia memerlukan aturan hidup supaya secara sosialnya mereka teratur. Aturan hidup tidak selalu diwujudkan secara nyata tetapi terdapat dorongan di dalam diri manusia untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu. Itulah Nilai.

Antara nilai-nilai yang ada di dalam kehidupan kita ialah :

- Rasa ingin tahu
- Rasa menghargai
- Menghormati antara satu dengan lain
- Semangat kekeluargaan
- Bekerja bersungguh-sungguh

**AKTIVITI 8**: *The Mole* (Pembelot)**MASA**

: 1 jam

KEPERLUAN:

- Kad Mole dan Bukan Mole
- Pensil, *marker pen* & pemadam
- Gambar peta 8 kumpulan
- Kertas mahjong
- *Masking tape*

OBJEKTIF AKTIVITI 8:

1. Menerapkan elemen KREDIBILITI (sifat boleh dipercayai) kepada semua peserta.

PERLAKSANAAN / METHOD:

1. Mula-mula fasilitator akan tunjukkan 1 contoh kad Mole dan 1 contoh kad Bukan Mole.
2. Satu peta penyelesaian masalah dilekatkan di luar dewan.
3. Setiap ahli keluarga akan diberi satu kertas kecil bertulis "Bukan Mole". Fasilitator perlu mengingatkan semua peserta supaya jangan tunjukkan kepada peserta lain. Siapa yang tunjukkan kepada orang lain akan didenda. Minta peserta simpan keratan kertas itu.
4. Peserta diberi tempoh masa 10 minit (tempoh ini boleh diubah ikut kesesuaian) untuk lihat gambar yang ditampal di luar dewan seorang demi seorang secara bergilir dan lukiskan kembali apa yang telah dilihat tadi dalam tempoh yang ditentukan.
5. Sambil proses melukis itu berjalan, fasilitator akan timbulkan keraguan dikalangan ahli keluarga bahawa salah seorang mereka adalah *The Mole* (Pembelot), kerana itu apa yg dilukis tidak sama dengan apa yg diluar dewan.
6. Peserta kumpulan akan diminta kenal pasti ahli yang dianggap *The Mole* dan Mole itu akan dikeluarkan & masuk tahanan.
7. Diakhirnya fasilitator akan lihat samada peta lengkap dan tepat atau tidak.
8. *The Mole* akan di interview. Ahli keluarga minta maaf dengan ahli yang disangka *The Mole*.
9. Akhir sekali fasilitator buat rumusan dari LDK tersebut dan yakinkan peserta bahawa apa sebenarnya pengajaran yang boleh dikaitkan dengan kehidupan remaja masa kini.
10. Sikap kebolehpercayaan hendaklah diterapkan dalam aktiviti ini.

RUMUSAN AKTIVITI 8 - KEBOLEHPERCAYAAN

- Di dalam kehidupan, kita akan bertemu dengan berbagai manusia dan keadaan yang akan menguji kepercayaan kita kepada seseorang atau sesuatu.
- Kebolehpercayaan kepada seseorang/sesuatu itu bergantung kepada kredibiliti orang atau perkara itu.
- Kita percaya seseorang jika kita telah kenal lama dengannya.
- Kita percaya seseorang kerana perkara-perkara baik yang pernah kita dengar atau tahu mengenainya.
- Sebagaimana kita menilai kebolehpercayaan orang, begitu juga orang akan menilai kebolehpercayaan / kredibiliti kita.
- Kredibiliti terzahir melalui tindakan seseorang dan bukan percakapan perkataan.

Nota: Peserta yang disyaki menjadi Mole, dibolehkan membuat permintaan kepada kumpulan untuk membuat sesuatu.

AKTIVITI 9 : *What's Your Worth?* (Nilai)

MASA : 1 jam 30 minit

KEPERLUAN:

- Replika Duit
- Lagu Iringan : Lagu kumpulan ABBA, "Money Money" atau
- : Lagu Dato M.Nasir, "Duit Duit"

OBJEKTIF AKTIVITI 9:

1. Memberi kesedaran kepada peserta mengenai nilai diri mereka.
2. Menerapkan elemen KREATIF (mampu mencetus idea yang hebat/ WOW), kepada semua peserta.

PERLAKSANAAN / METHOD:

1. Setiap peserta diberi satu not duit.
2. Fasilitator terangkan cara aktiviti dijalankan.
3. Lagu akan dimainkan, bila muzik diberhentikan, fasilitator akan menyebut satu nilai duit.
4. Peserta diminta berkumpul dimana nilai duit yang ada pada ahli kumpulan berjumlah nilai yang disebut oleh fasilitator.
Contoh : Fasilitator sebut nilai RM40.50. Jadi :
 - 1 peserta yang memegang duit RM20.00
 - 1 peserta yang memegang duit RM10.00
 - 2 peserta yang memegang duit RM5.00 dan
 - 1 peserta yang memegang duit 50 sen
5. Ulangi beberapa kali (disyorkan 3 kali) dengan nilai lain.
6. Di akhir aktiviti: Fasilitator akan bertanya kepada peserta yang tidak dapat duit dan meminta peserta terangkan kenapa dan mengapa.

Nota : Fasilitator akan cuba mencuri duit peserta dengan daya kreativiti sendiri.

RUMUSAN AKTIVITI 9:

- Setiap orang yang dilahirkan ada tempatnya sendiri di dalam masyarakat.
- Sebesar atau sekecil manapun kedudukan dan peranan mereka, tetap akan menyumbang kepada sesuatu tujuan.
- Nilai diri seseorang tidak terletak pada berapa banyak wang atau harta yang dimilikinya tetapi seseorang itu akan turut dinilai dari segi akhlak, tingkah laku dan keperibadiannya.
- Oleh itu, jangan membezakan orang miskin dengan orang kaya.
- Untuk meningkatkan nilai dirinya, seseorang perlu juga menjadi seorang yang kreatif agar sentiasa mampu mendepani cabaran dan dinamik di dalam melaksanakan satu-satu tugasan atau program dengan idea-idea yang hebat.



AKTIVITI 10 : Ahlan Wa Sahlan - “Jaulah” (Pusing kampung)

MASA : 2 jam

OBJEKTIF AKTIVITI 10:

1. Memberi pengalaman dan kesedaran kepada peserta mengenai adab-adab ziarah yang baik.
2. Menerapkan KOLABORATIF (erat dan kerjasama) kepada semua peserta.

PERSIAPAN UNTUK AKTIVITI:

- Kumpulan peserta digabungkan untuk membentuk dua kumpulan besar.
- Kumpulan ini akan menjalankan aktiviti yang berbeza.
- Penerangan Adab Ziarah diberikan kepada semua peserta.
- Semua peserta digalakkan untuk berkenalan/berinteraksi (*interview*) semasa melakukan aktiviti ini.
- KOLABORASI (melibatkan pihak-pihak yang sesuai dan berkaitan serta bekerjasama dengan mereka) untuk melaksanakan aktiviti ziarah.

Contoh bagi aktiviti ini: Berbincang dengan Pengurus, Ketua Kampung, Pengerusi GPW, Tuan-tuan Rumah Yang Akan dilawati dirancangan/kampung tempat program yang akan diadakan. Ini dilakukan supaya mereka dapat memberikan pengalaman-pengalaman yang sesuai dan tepat kepada peserta.

KUMPULAN 1

KEPERLUAN:

- Hadiah/Hamper
- Pakaian sesuai dengan aktiviti
- Nota Doa
- Kenderaan/pemandu tempatan

PERLAKSANAAN / METHOD:

1. Kumpulan diminta menziarah ke beberapa buah rumah dari kategori:

Kriteria rumah:

- Warga emas
- OKU
- Ibu Tunggal

2. Sebelum aktiviti ini, setiap kumpulan dibekalkan dengan Doa Orang Sakit/Doa Ziarah.
3. Peserta diminta mengamalkan Adab Ziarah.
4. Peserta mesti bertanya untuk mengenali tuan rumah.
5. Peserta menyerahkan hadiah kepada tuan rumah.

KUMPULAN 2

KEPERLUAN:

- Borang akuan kehadiran
- Pen
- Pakaian yang sesuai

PERLAKSANAAN / METHOD:

1. Kumpulan ini menjalani Aktiviti “Ziarah” – Kempen/ajak peneroka, penerokawati, Belia datang ke Masjid untuk sertai program Belia Berselawat (Yahanana) sekiranya pihak rancangan/kampung dapat mengaturkan.
2. Ahli-ahli kumpulan berpecah untuk pergi ke rumah-rumah yang telah ditetapkan.
3. Setiap kumpulan kecil diberi tugas untuk mengajak 10 orang dari ahli masyarakat untuk datang ke masjid.
4. Setiap kumpulan diberi borang untuk rekod maklumat orang yang setuju pergi.
5. Risalah promosi mengenai Program Belia Berselawat juga akan turut diedarkan oleh ahli keluarga peserta.

AKTIVITI 11 : Riadhah – Sukan Anarki**MASA** : 1 jam 15 minit**KEPERLUAN:**

- Pakaian sukan
- Peralatan sukan

OBJEKTIF AKTIVITI 11:

1. Menyediakan peserta untuk aktiviti Warkah Akhir.
2. Membina semangat berpasukan di kalangan peserta.
3. Menerapkan elemen KOMITED (kesungguhan di dalam melakukan sesuatu dengan baik), kepada semua peserta.

PERLAKSANAAN / METHOD:

1. Fasilitator *hype-up* peserta supaya bersukan dengan bersungguh-sungguh dan bekerjasama antara satu sama lain.
2. Untuk aktiviti ini, pertandingan adalah antara pasukan peserta dengan pasukan fasilitator.
3. Acara sukan dimulakan Contoh : Bola tampar.
4. Fasilitator akan manipulasi keputusan sukan dan keputusannya, fasilitator tetap menang (Provokasi).
5. Provokasi ini dibuat supaya peserta akan lebih bersemangat dan tingkatkan komitmen mereka untuk menang.
6. Keputusan akhirnya, pasukan fasilitator tetap akan menang.
7. Peserta dikumpulkan dan fasilitator buat rumusan.

RUMUSAN:

- Di dalam sesebuah pasukan, setiap ahli ada dan perlu memainkan peranan.
- Setiap ahli perlu komited iaitu berusaha bersungguh-sungguh menyempurnakan tugas masing-masing untuk mencapai matlamat (misi dan visi) pasukan.
- Satu pasukan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kemahiran individu di dalam pasukan itu (iaitu pemimpin/ketua), sebaliknya pasukan itu sendiri berdaya upaya menggerak dan bergerak secara kolektif untuk mencapai matlamat.
- “Motivasi membolehkan kamu mula berusaha, tetapi komitmen (sifat komited) membolehkan kamu berusaha secara berterusan”.



AKTIVITI 12 : Program Belia Berselawat

MASA : 2 jam

KEPERLUAN:

- Pakaian solat
- Nota selawat

OBJEKTIF AKTIVITI 12:

1. Supaya peserta sedar bahawa manusia saling memerlukan untuk melengkapkan diri masing-masing.
2. Menerapkan elemen KAFI (cukup, lengkap, sempurna) kepada semua.

PERLAKSANAAN / METHOD:

1. Sebelum selawat dimulakan, Ustaz dari kalangan fasilitator memberi sedikit tazkirah dengan merujuk kepada Surah Al-Asr ayat 1-3. (rujuk nota Aktiviti 12).
2. Selawat beramai-ramai.
3. Jemputan yang hadir turut berselawat bersama peserta program.

NOTA AKTIVITI 12

***“Demi Masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran dan berpesan-pesan dengan kesabaran”
(Surah Al-Asr : Ayat 1 – 3)***

- Akan ada orang yang berbuat kesilapan dan mempunyai kelemahan. Tetapi selagi ada orang pula yang memberi nasihat atau berpesan dengan kebenaran dan kesabaran, In shaa Allah, peluang masih ada untuk orang itu membetulkan kesilapannya.
- Kita saling melengkapkan.
- Dan selagi kita hidup, perlu ada usaha pembaikan terus-menerus kerana tiada yang lengkap atau sempurna melainkan Allah s.w.t.
- Oleh itu, kita perlu sentiasa memperbaiki diri agar “Hari ini lebih baik dari semalam”.

AKTIVITI 13 : Warkah Akhir

MASA : 1 jam

KEPERLUAN:

- Kertas A4
- Pen
- Sampul surat berserta alamat
- Setem
- Lagu Sudirman/ Aisyah/ Aiman/ Brothers
- *Pen Drive* selawat

OBJEKTIF AKTIVITI 13 :

1. Supaya peserta muhasabbah diri mereka.
2. Supaya peserta menghargai orang dan nikmati yang telah mereka kecapai.

3. Menerapkan elemen KATALISATOR (pemangkin/pemangkah) kepada semua peserta iaitu semua yang berlaku dalam kehidupan mereka adalah pemangkin kepada apa yang akan mereka lakukan di masa akan datang.

PELAKSANAAN / METHOD:

1. Peserta diberi satu sampul surat seorang dan diminta tulis alamat mereka/peserta berada berasingan di antara peserta lain.
 - Bukan dalam bulatan, jika duduk di bawah, pasti jarakkan antara peserta lain.
2. Peserta dibahagi kepada dua kumpulan Lelaki dan Wanita.
 - Muzik akan dimainkan.
3. Peserta membaca dan menandatangani Surat Aku Janji. (Setiap wilayah diminta menyediakan "SURAT AKU JANJI" masing-masing).
4. Setiap peserta diberi kertas dan disuruh menulis warkah akhir (apakah yang ingin disampaikan kepada ahli keluarga). Perasaan dan luahan kepada ibubapa/keluarga dituliskan atas kertas untuk diposkan kepada keluarga.
5. Ustaz buat penghayatan (*recall*).
6. Jika ada yang sudi, minta peserta kongsi @ membaca apa yang ditulis.

Nota : Proses penghayatan dilakukan sambil diiringi dengan lagu yang sesuai.

- Ayah & Ibu – Sudirman
 - Syurga di Telapak Kaki Ibu – Aisyah
 - Ibu – Aiman
 - Anak Soleh – Aiman
 - Lagu Teman Setia – Brothers
7. Surat-surat/luahan rasa dimasukkan ke dalam sampul surat dan diposkan atau diserahkan kepada penerima.
 8. Malam itu ditutup dengan semua peserta bersalam-salam diiringi dengan selawat – berpelukan lelaki bersama lelaki manakala wanita bersama wanita.
 9. Buang sikap negatif dan masukkan sikap positif.
 - Sediakan tempat untuk lemparkan sikap negatif – (tong sampah/bakar)

RUMUSAN:

- Memberi kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan kepada ahli keluarga.

AKTIVITI 14 : Solat Subuh Berjemaah & Solat Dhuha

MASA : 2 jam 20 minit

KEPERLUAN:

- Surau/tempat yang sesuai
- Pakaian solat
- Nota ceramah - "Kita Hebat"

OBJEKTIF AKTIVITI 14:

1. Menerapkan rasa cinta kepada Allah.
2. Melakukan ibadah secara berjemaah (beramai-ramai sebagai satu pasukan).
3. Menerapkan elemen KAFI (cukup, lengkap, sempurna) .
4. Masukkan juga elemen KOMPETEN (kemampuan, kecekapan, kebolehan dan kemahiran) kepada semua peserta.



PELAKSANAAN / METHOD:

1. Peserta berpakaian yang sesuai untuk solat.
2. Peserta berkumpul di surau/tempat sesuai dan menunaikan Solat Subuh secara berjemaah.
3. Seorang Ustaz dari kalangan fasilitator menyampaikan Kuliah Subuh dengan tajuk “Kita Hebat”.
4. Selepas itu fasilitator menerangkan fadilat dan kebaikan Solat Sunat Musaffir kepada semua peserta.
5. Menunaikan Solat Sunat Musaffir secara berjemaah.

RUMUSAN AKTIVITI 14:

- Kita sebaik-baik kejadian. Setiap orang ada peranannya masing-masing walaupun dengan kelemahan yang mereka ada.
- Memberi contoh lima jari yang dimiliki oleh manusia:
 - Ibu Jari – Huraikan
 - Jari Telunjuk – Huraikan
 - Jari Hantu – Huraikan
 - Jari Kelingking – Huraikan
 - Jari Manis – Huraikan
- Setiap jari ada kelebihan:
 - Huraikan setiap jari dan kelebihannya
 - Masukkan setiap jari ke dalam dari hujung
- Apabila kita menggunakan tangan kita untuk melakukan sesuatu seperti menyuap nasi ke mulut, setiap jari ada peranannya. Hanya apabila menggunakan kelima-lima jari, tugas itu dapat kita lakukan dengan baik.
- Rumusnya: Setiap sesuatu ada kelebihan dan ada kekurangannya.
 - Terapkan dan pastikan apa ada pada setiap jari itu merupakan diri masing-masing.

AKTIVITI 15 : Ke Sini Jua Akhirnya (Melawat Perkuburan)

MASA : 1 jam

KEPERLUAN:

- Nota doa di kubur
- Surah Yasin disediakan oleh pihak fasilitator
- Nota tazkirah disediakan oleh pihak fasilitator
- Taklimat diberi oleh ustaz/fasilitator mengenai adab

OBJEKTIF AKTIVITI 15:

1. Memberi kesedaran kepada peserta bahawa sehebat mana pun seseorang, kita akan kembali kepada Pencipta kita, Allah S.W.T.
2. Menerapkan elemen KATALISATOR (pemangkin/pemangkah, kepada semua peserta.)

PELAKSANAAN / METHOD:

1. Bawa peserta ke kubur disediakan aturan kenderaan/pemandu tempatan.
2. Adab beri salam dikubur (Assalamualaikum Ahlad Dia’).
3. Baca doa.
4. Baca Surah Yassin.
5. Tazkirah.
6. Fasilitator akan memulakan dengan bacaan doa.

7. Bacaan Yassin.
8. Renungan sejenak (fasilitator memberikan tazkirah mengenai kematian kepada semua peserta) dan merangsang serta mencetus semangat untuk menjadi insan yang cemerlang.

BERDOA UNTUK JENAZAH

Pengajaran Dari Hadis Riwayat Muslim

1. Disunatkan untuk duduk sebentar di atas kubur seseorang yang telah dikebumikan dengan berdoa kepada Allah SWT agar memberi keampunan di atas segala dosanya serta dipermudahkan memberi jawapan dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh dua orang malaikat.
2. Setiap orang yang mati akan disoal oleh dua orang malaikat tentang amalan semasa hidup. Oleh sebab itu bagi saudara maranya yang masih hidup hendaklah memperbanyakkan doa-doa dan amalan kebaikan dengan niat untuk disedekahkan kepadanya.
3. Orang yang datang menziarahi jenazah yang telah dikebumikan itu adalah dituntut oleh syarak supaya berhenti sebentar disisi kuburnya dengan berdoa dan membaca ayat-ayat Al-Quran dengan niat untuk disedekahkan kepada si mati.
4. Setiap doa-doa dan amalan baik yang dilakukan oleh orang Islam di dunia ini dapat dinikmati bersama oleh saudaranya yang telah mati di samping itu orang yang melakukannya mendapat pahala dan rahmat dari Allah SWT.

Nota :

- **Pastikan aturan pengangkutan disediakan secukupnya untuk melancarkan program.**
- **Pastikan pergi ke kubur dengan pakaian yang sesuai.**
- **Pastikan pihak fasilitator menyediakan Surah Yasin kepada setiap peserta.**

AKTIVITI 16 : MAJLIS PENUTUP

Aturcara:

- MC – Pilih dari peserta
- Nyanyian “NegaraKu” & “Semai Bakti”
- Doa – Sheikh (dikalangan peserta)
- Ucapan Penghulu
- Ucapan Penyelaras kursus – Ketua fasilitator/wakil fasilitator
- Ikrar peserta-peserta
- Ucapan RGM/Pengurus
- Akhir dengan lagu “Gemuruh”

KEPERLUAN:

- Perlantikan MC – dari peserta
- Lagu NegaraKu
- Lagu Semai Bakti FELDA
- Lagu Tema Komuniti – Bila Diri Disayangi
- Lagu Penutup - Gemuruh (Faizal Tahir)
- Sijil Sahabat GKK

**PERSEDIAAN:**

- Teks MC disediakan
- Teks Doa disediakan
- Teks Ikrar disediakan
- CD Lagu

FORMAT LAPORAN PELAKSANAAN GKK





WILAYAH:

TARIKH:

RANCANGAN:

BIL	TARIKH	PROGRAM/NAMA MODUL	TEMPAT DI LAKSANAKAN	KUMPULAN SASARAN NO. KATEGORI* (1 HINGGA 4)	BILANGAN PESERTA HADIR DAN PERATUS HADIR	BILANGAN FASILITATOR HADIR DAN PERATUS HADIR	NAMA FASILITATOR YANG TIDAK HADIR	PERASMIAN PEMBUKAAN ATAU PENUTUPAN

Catitan: Perasmi yang hadir sila nyatakan nama dan jawatan

*No. Kategori adalah seperti berikut:-

BIL	KATEGORI
1	13 Hingga 18 Tahun (Remaja)
2	19 Hingga 40 Tahun (Belia)
3	41 Hingga 60 Tahun (Dewasa)
4	61 Tahun Keatas (Warga Emas)